



sarawak  energy

sarawak  energy  
Power to Grow

UNTUK MAKLUMAT LANJUT,  
HUBUNGI CUSTOMER CARE CENTRE

**1300-88-3111**

Faks: +6 082-313 588

Emel: [customercare@sarawakenergy.com.my](mailto:customercare@sarawakenergy.com.my)

Sistem Pesanan Ringkas (SMS): 33310

**Sarawak Energy Berhad**

Menara Sarawak Energy,  
No. 1, The Isthmus,  
93050 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.

[www.sarawakenergy.com.my](http://www.sarawakenergy.com.my)

Follow us on  @1SarawakEnergy



**PROJEK  
BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR  
(RES)**

## PENGENALAN RES

### LATAR BELAKANG

Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (Rural Electrification Scheme, RES) adalah inisiatif Kerajaan dalam usaha untuk membekalkan bekalan elektrik ke kampung-kampung dan rumah-rumah panjang luar bandar yang tidak disambung dengan sistem grid utama.

Kontraktor RES yang dilantik oleh Kerajaan akan melaksanakan kerja pemasangan talian RES ini, dan Sarawak Energy pula merupakan penasihat teknikal serta penyelaras operasi dan penyelenggara projek RES di Sarawak apabila siap nanti.

## SKOP KERJA RES

### KONTRAKTOR RES

Skop kerja Kontraktor RES merangkumi kerja-kerja berikut:




Pemasangan stesen pencawang/ alatubah dan talian elektrik.



Pemasangan talian servis, 'mains wiring', 'bracket' dan kabinet meter.

### SARAWAK ENERGY

Sarawak Energy menerusi kontraktor yang dilantik akan menjalankan kerja-kerja pendawaian dalaman rumah dan membantu dalam urusan pemasangan meter.



## PROSES PEMBEKALAN ELEKTRIK RES

Pelaksanaan projek RES memerlukan purata masa antara 10 hingga 18 bulan. Dua dialog akan diadakan bagi setiap projek RES.


Pertama, Dialog Permulaan Projek iaitu sebelum bermulanya pemasangan talian RES di kawasan tapak. Kedua, Dialog Pra-Penyambungan iaitu sebelum talian RES dibekalkan serta pendawaian dalaman dipasang di rumah-rumah pemohon.

### Dialog Pertama (Dialog Permulaan Projek)

- Pengenalan kontraktor RES dan sub-kontraktor (jika ada).
- Taklimat berkenaan skop kerja dan pelaksanaan projek RES.
- Pengenalan berkenaan penyambungan Sarawak Energy, proses pendawaian dalaman rumah, skim bantuan pendawaian AWS, proses pembayaran bil dan pemasangan meter.
- Pengenalan berkenaan keselamatan di tapak projek, bekalan elektrik dan keberkesanan tenaga.

### Dialog kedua (Dialog Pra-Penyambungan)

- Pembentangan status projek semasa.
- Taklimat lengkap berkenaan proses pendawaian dalaman rumah, skim bantuan pendawaian AWS, proses penyambungan bekalan dan bantuan kewangan lain yang disediakan oleh Sarawak Energy.
- Pengenalan berkenaan dengan Kontraktor pendawaian dalaman dan sub-kontraktor (jika ada).
- Keterangan lanjut berkenaan borang permohonan AC01, borang yang perlu ditandatangani oleh pemohon berkaitan skim bantuan pendawaian AWS, pembayaran yang perlu ditanggung oleh pemohon dan pemasangan meter.
- Keterangan berkenaan Kaunter Pendaftaran Bergerak yang dikendalikan oleh Sarawak Energy bagi membantu memudahkan proses pendaftaran pengguna.



## KEMUDAHAN PENDAWAIAN DALAMAN RUMAH DAN PEMASANGAN METER

Sarawak Energy akan bertanggungjawab dalam kerja pendawaian dalaman rumah menerusi Skim Bantuan Pendawaian (AWS) dan juga pemasangan meter untuk semua pemohon di bawah RES. Kerja pemasangan hanya akan bermula selepas dialog kedua diadakan iaitu semasa kerja-kerja pemasangan talian RES hampir siap.

### Skim Bantuan Pendawaian (Assisted Wiring Scheme, AWS)


Skim bantuan pendawaian ini diberi secara automatik kepada pemohon RES. Oleh itu pemohon hanya perlu membayar secara ansuran selama 36 bulan menerusi bil elektrik. Skim bantuan pendawaian maksima adalah sebanyak RM1,200 dengan konfigurasi pendawaian 5 'lighting point' dan 4 'power socket' ATAU 3 'lighting point' dan 2 'power socket'.

Kerja pendawaian ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kontraktor AWS yang dilantik oleh Sarawak Energy di mana pemohon RES tidak akan dikenakan sebarang caj tambahan.

Antara pendawaian dalaman rumah yang akan dipasang di rumah-rumah pemohon adalah seperti berikut:



Soket suis ('power socket')



Kotak agihan



Konduit pendawaian



"Lighting Point" & suis lampu

- **Wang Cagaran (Collateral Deposit) dan Setem Hasil**  
Menerusi RES, pemohon hanya perlu membayar wang cagaran (CD) sebanyak RM80 dan setem hasil RM10 sebelum pemasangan meter.
- **Dana CSR Sarawak Energy**  
Sarawak Energy turut menyediakan bantuan CSR (Tanggungjawab Sosial) untuk golongan MISKIN dan MISKIN TEGAR bagi membiayai sepenuhnya kos pendawaian dalaman rumah, CD dan Setem Hasil yang berkenaan.

### Nota:

- Pemohon yang menolak tawaran Sarawak Energy untuk skim bantuan pendawaian dalaman rumah (AWS) perlulah membuat pengaturan pemasangan dan membayar sendiri semua kos yang dikenakan bagi kerja tersebut.
- Kontraktor pendawaian dalaman yang dilantik oleh pemohon bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan pendawaian dalaman rumah nanti hendaklah yang telah berdaftar dengan Sarawak Energy dan memiliki sijil untuk membuat pengujian pendawaian (sijil 'Authorised-to-Test (ATT)').